

**INTERNATIONAL JOURNAL OF
MODERN EDUCATION
(IJMOE)**
www.ijmoe.com



PENDEKATAN DAKWAH DALAM PROGRAM AMALI DA'WAH IPDAS TAHUN 2022 - 2024 DI SABAH

*DA'WAH APPROACHES IN THE IPDAS PRACTICAL DA'WAH PROGRAMME
(2022–2024) IN SABAH*

Jamal Adli Ahmad Shukri¹, Dygku Ezharrinna Awgku Matarsat², Muhammad Ihsan Mahd Nayai³, Siti Norhafizah Rahmat⁴, Mohd Shariffuddin Salleh⁵, Mohd Nasrun Mohd Talib⁶, Saifulazry Mokhtar^{7*}

¹ Institut Pengajian Islam dan Dakwah Sabah (IPDAS), Malaysia
E-mail: jamal_adli@islam.gov.my

² Institut Pengajian Islam dan Dakwah Sabah (IPDAS), Malaysia
Email: dygkuezharrinna@islam.gov.my

³ Institut Pengajian Islam dan Dakwah Sabah (IPDAS), Malaysia
Email: muhammad.ihsan@islam.gov.my

⁴ Institut Pengajian Islam dan Dakwah Sabah (IPDAS), Malaysia
Email: norhafizah@islam.gov.my

⁵ Institut Pengajian Islam dan Dakwah Sabah (IPDAS), Malaysia
Email: shariffuddin@islam.gov.my

⁶ Institut Pengajian Islam dan Dakwah Sabah (IPDAS), Malaysia
E-mail: nasrun.talib@islam.gov.my

⁷ Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah (UMS), Malaysia
E-mail: saifulazry.mokhtar@ums.edu.my

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 17.03.2025

Revised date: 10.04.2025

Accepted date: 20.05.2025

Published date: 26.06.2025

To cite this document:

Shukri, J. A. A., Matarsat, D. E. A., Nayai, M. I. M., Rahmat, S. N., Salleh, M. S., Talib, M. N. M., & Mokhtar, S.

Abstrak:

Program Amali Dakwah merupakan salah satu pendekatan praktikal yang dilaksanakan oleh Institut Pengajian Islam dan Dakwah Sabah (IPDAS) dalam usaha memperkasa penyampaian dakwah secara lebih berkesan dalam kalangan mahasiswa. Program ini memberi ruang dan peluang kepada mahasiswa untuk turun ke lapangan dan mengaplikasikan ilmu dakwah secara langsung kepada komuniti yang disasarkan. Kewujudan program amali seperti ini sebenarnya memberi pendedahan awal kepada mahasiswa khususnya dalam konteks dakwah bagi melestarikan dakwah islamiah sepertimana yang disarankan oleh Rasulullah SAW, bukan mengikut kemauuan pendakwah itu sendiri. Pelaksanaan program pada tahun 2022 hingga 2024 di beberapa daerah terpilih di Sabah mendedahkan pelbagai pendekatan dakwah yang digunakan

(2025). Pendekatan Dakwah Dalam Program Amali Dakwah IPDAS Tahun 2022 - 2024 Di Sabah. *International Journal of Modern Education*, 7 (25), 847-863.

DOI: 10.35631/IJMOE.725056

This work is licensed under [CC BY 4.0](#)



seperti dakwah *bil hal*, dakwah *fardiyah* dan dakwah *bil lisan*. Kajian ini bertujuan untuk menganalisis pendekatan dakwah yang digunakan serta keberkesanannya dalam menyampaikan mesej Islam secara berhemah dan berstrategi. Kajian ini dijalankan menggunakan kaedah kualitatif melalui temubual separa struktur, pemerhatian lapangan dan analisis dokumen program. Dapatkan menunjukkan bahawa pendekatan dakwah yang berteraskan hikmah, empati, serta kefahaman terhadap kearifan tempatan memainkan peranan penting dalam meningkatkan keberkesanannya program ini. Justeru, pendekatan dakwah dalam Program Amali Dakwah IPDAS dilihat sebagai platform yang berpotensi memperkuat peranan institusi pengajian Islam dalam pembangunan komuniti dan penghayatan Islam dalam masyarakat setempat di Sabah.

Kata Kunci:

Amali Dakwah, Dakwah, IPDAS, Pendekatan, Sabah

Abstract:

Amali Da'wah Programmed is one of the practical approaches implemented by the Institut Pengajian Islam dan Dakwah Sabah (IPDAS) in its effort to enhance the effectiveness of da'wah dissemination among university students. This program provides students with the opportunity to go into the field and directly apply their da'wah knowledge to the targeted communities. The existence of an internship program like this gives early exposure to students, especially in the context of da'wah to preserve Islamic da'wah as suggested by the Prophet PBUH, not according to the will of the preacher himself. Implemented from 2022 to 2024 in selected districts across Sabah, the program showcased various da'wah approaches such as da'wah *bil hal* (through actions), da'wah *fardiyah* (individual da'wah), and da'wah *bil lisan* (verbal da'wah). This study aims to analyze the da'wah approaches used and their effectiveness in delivering the message of Islam with wisdom and strategic engagement. Employing a qualitative method, data was collected through semi-structured interviews, field observations, and document analysis. The findings indicate that da'wah approaches grounded in wisdom, empathy, and cultural sensitivity play a crucial role in enhancing the program's impact. Therefore, the da'wah approaches applied in IPDAS's Practical Da'wah Program serve as a promising platform to strengthen the role of Islamic higher learning institutions in community development and the cultivation of Islamic values within local society in Sabah.

Keywords:

Amali Da'wah, Approaches, Da'wah, IPDAS, Sabah

Pendahuluan

Institut Pengajian Islam dan Dakwah Sabah (IPDAS) merupakan salah satu institusi pengajian tinggi yang berada di bawah kelolaan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) yang terletak di Sabah. Menurut Abd Rahman et al. (2023) IPDAS yang sebelum ini dikenali sebagai Pusat Latihan Dakwah Keningau (PLDK) ditubuhkan pada Oktober 1979 oleh Majlis Agama Islam Sabah (MUIS) untuk memberikan bimbingan agama kepada golongan muallaf yang semakin meningkat di Sabah pada waktu itu. Pada tahun 1984 PLD Keningau telah diserahkan kepada Kerajaan Persekutuan dan diuruskan oleh JAKIM yang dahulunya dikenali sebagai Bahagian Hal Ehwal Islam (BAHEIS). Seiring perkembangan semasa, IPDAS kini berperanan

sebagai pusat pembangunan keunggulan muallaf, kecemerlangan kemahiran dan keusahawanan Islam, serta pembentukan *rijal al-dakwah* yang profesional (Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 2025). Selain menjadi peneraju pendidikan di Sabah, IPDAS turut menekankan pendekatan yang kontekstual dan bersifat lapangan dalam melahirkan pendakwah berwibawa yang mampu berinteraksi dengan pelbagai latar masyarakat (Monib, 2025)

Menurut Ahmad Shukri (2024), selaras dengan pendekatan lapangan yang diterapkan oleh IPDAS, mahasiswa diwajibkan untuk mengikuti kursus Amali Dakwah bagi Program Diploma Dakwah Islamiah pada semester terakhir. Kursus ini juga dikenali sebagai Program Dekat di Hati Anak Malaysia yang mana ia merupakan medan bagi mahasiswa mempraktikkan ilmu dakwah yang diperolehi di bilik kuliah agar mahasiswa dapat memahami realiti serta cabaran dalam dunia dakwah. Pelbagai pendekatan dakwah telah digunakan dalam program ini, antaranya dakwah *bil hal* iaitu dengan menyantuni masyarakat seperti program gotong royong. Manakala pendekatan dakwah *bil lisan* juga dipraktikkan melalui aktiviti ceramah, tazkirah dan penyampaian khutbah. Jika program seperti ini tidak diketengahkan, sudah pasti suatu masa nanti mahasiswa tidak dapat melaksanakan pendekatan dakwah dengan baik, seterusnya ia akan membuka peluang kepada pendakwah untuk meluaskan pemahaman sesat mereka kepada masyarakat.

Menurut Abd Karim Zaidan, pendekatan dakwah secara umum merujuk kepada kaedah-kaedah dakwah yang bersifat menyeluruh dan boleh diaplikasikan dalam pelbagai situasi terhadap seluruh lapisan masyarakat (Mohd Talib, 2024). Abd Karim Zaidan juga menjelaskan bahawa antara pendekatan umum yang sering digunakan termasuklah yang telah digariskan dalam al-Quran melalui surah *al-Nahl* ayat 125 iaitu pendekatan secara *bi al-Hikmah* yang membawa maksud berdakwah dengan kebijaksanaan dan penuh pertimbangan, *al-mau'izah al-hasana* iaitu nasihat yang disampaikan dengan lemah lembut dan kasih sayang serta berbahaslah bersama mereka dengan cara yang terbaik dan beradab (Nurasad, 2018).

Razak dan Abdul Rahim (2018) menjelaskan pendekatan melalui keteladanan yang baik (*qudwah hasanah*) juga merupakan kaedah yang memainkan peranan penting dalam usaha untuk menarik perhatian orang yang menerima dakwah. Seterusnya pendekatan secara kultural pula menyesuaikan mesej dakwah dengan budaya setempat tanpa mengubah syariat Islam, manakala pendekatan sosial dan pendidikan menekankan keterlibatan pendakwah bersama masyarakat dan penyampaian ilmu. Dalam era digital masa kini, pendekatan melalui media dan teknologi juga menjadi medium yang efektif untuk menyampaikan mesej dakwah kepada sasaran yang lebih luas. Pendekatan-pendekatan ini adalah berdasarkan ajaran al-Quran dan hadis, dan perlu diterapkan secara bijaksana mengikut konteks dan latar belakang sasaran dakwah agar mesej Islam yang disampaikan dapat difahami dan diterima dengan baik. Menurut Mokhtar et al., (2021a), tahap keterbergantungan yang tinggi terhadap media massa telah memberi satu tumparan hebat kepada para pendakwah untuk menyebarkan risalah yang benar dan menangkis segala bentuk penyebaran maklumat palsu khususnya yang berkaitan dengan Islam.

Situasi ini memberikan ruang yang luas untuk melihat bagaimana pendekatan dakwah yang digunakan dalam Program Amali Dakwah IPDAS sepanjang tempoh 2022 hingga 2024. Pemerhatian terhadap bentuk pendekatan yang dipilih serta keberkesanannya dalam membina hubungan, menyampaikan mesej Islam, dan keberkesanannya dalam memberi kesan positif kepada komuniti setempat merupakan aspek penting dalam memahami keunikan serta cabaran dakwah di lapangan.

Sorotan Literatur

Sorotan literatur diertikan sebagai sebuah penulisan referensi lengkap yang menganalisis kumpulan artikel lepas melalui pemilihan tema sesbuah kajian ilmiah. Manakala tema yang diwujudkan dalam penulisan sorotan literatur berperanan sebagai panduan dalam memandu keseluruhan penulisan. Oleh yang demikian, kajian ini menetapkan dua tema utama sebagai panduan dalam memahami skop pendekatan dakwah melalui program amali yang telah dibangunkan oleh Institut Pengajian Islam dan Dakwah Sabah seperti dalam rajah 1 berikut iaitu Pendekatan Dakwah yang Pelbagai dan Cabaran dalam Dakwah.



Rajah 1: Pecahan Sorotan Literatur

Sumber: Kajian Penyelidikan 2025

Pendekatan Dakwah yang Pelbagai

Dakwah atau Dakwah Islamiah merupakan sebuah terma secara umum yang merujuk kepada perbuatan menyampaikan dakwah Islam. Menurut kajian Hashim dan Ahmad (2012) dalam memahami maksud dakwah Islam secara mendalam, mereka memaparkan kepelbagaian pengertian yang merangkumi (i) menyuruh kepada perbuatan baik melalui *al-Amr bi al-Ma'ruf Wa Nahyu A'ni al-Munkar*, (ii) dakwah sebagai entiti agama Islam itu sendiri dan (iii) sebuah ilmu yang mementingkan keperluan dalam menyampaikan dakwah kepada manusia. Dalam dunia dakwah, amali Dakwah merupakan salah satu pendedahan awal dalam menyediakan sebuah platform dakwah secara lapangan terhadap mahasiswa atau mahasiswa yang bertujuan untuk mempamerkan realiti atau *waqi'* sebenar dunia dakwah (Don et al., 2023). Kajian Mokhtar et al., (2021b) turut mendapati Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) yang diselitkan dengan unsur-unsur dakwah membolehkan mahasiswa dapat menerima ilmu dengan mudah dan santai serta meninggalkan kesan positif dalam kehidupan mereka.

Meneliti skop pendekatan dakwah, tiga pendekatan utama yang sering dibincangkan antaranya dakwah *bil hal*, *bil lisan*, dan dakwah *fardiyyah*. Beberapa kajian berkaitan dengan pendekatan dakwah telah dianalisis bagi memastikan kajian ini sesuai dilaksanakan. Razak dan Abdul Rahim (2018) dalam artikel "*Falsafah Dakwah bil hal Menurut Perspektif al-Quran*", menghuraikan bahawa prinsip dakwah *bil hal* berteraskan kepada amal soleh yang disebut dalam al-Quran. Kajian ini menyimpulkan bahawa tindakan yang dilakukan secara ikhlas dan konsisten mampu memberi impak dakwah yang lebih mendalam kepada masyarakat berbanding ceramah atau ucapan semata-mata. Pendekatan ini sangat sesuai diaplikasikan dalam masyarakat majmuk kerana pendekatan dakwah melalui tindakan lebih mudah diterima. Manakala Mokhtar et al. (2022) pula mengetengahkan kepentingan ilmu dakwah terhadap

pendakwah masa kini menurut perspektif Muhammad al-Ghazali dalam Kitab Fiqh al-Sirah perlu diketahui kerana ia merupakan asas utama dalam arena dakwah.

Kajian Borham dan rakan-rakannya (2017) telah menyenaraikan empat pendekatan dakwah yang telah dilakukan oleh Mohd Fadli Yusof yang merupakan seorang daie yang telah berjaya mengislamkan seramai dua ratus orang masyarakat bukan Islam di pedalaman Pensiangan, termasuk penduduk di Kampung Padang, Sepulut Sabah. Pendekatan dakwah yang dilaksanakan beliau antaranya ialah dengan membina hubungan baik dengan golongan mad'u di samping menggunakan komunikasi berhemah dan menarik psikologi mad'u dengan kelainan. Selain dari itu, kajian Gordani (2021) menjelaskan seorang pendakwah perlu membina hubungan dengan menampilkan akhlak terpuji atau Dakwah *Bil Hal*, ditambah dengan menggunakan metod *al-Hikmah* dalam berdialog sepertimana yang diaplikasikan oleh para rasul. Hal ini dibuktikan oleh kajian Abdullah (2016) dan rakan-rakannya yang menyatakan bahawa perancangan dakwah kebajikan perlu dilaksanakan melalui pembentukan strategi dakwah, bentuk operasi, matlamat jangka pendek dan panjang, amali amalan di pusat dakwah dan latihan pemantapan dakwah kepada masyarakat pribumi sendiri.

Seterusnya kajian oleh Othman et al. (2022) meneliti gaya dakwah *bil lisan* oleh pendakwah bebas di Instagram melalui video pendek. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa penggunaan intonasi yang betul, bahasa yang tegas dan lembut serta bahasa pujukan dan ajakan meningkatkan keberkesanan penyampaian dakwah. Dalam Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari oleh Azlina Ibrahim et al. (2024), kajian mendapati pendakwah menggunakan pendekatan yang berhati-hati dan membezakan antara menghormati dan mengiktiraf cara hidup, adat dan budaya yang bercanggah dengan Islam. Mereka juga terlibat dengan aktiviti kemasyarakatan yang membolehkan mereka memperkenalkan Islam secara tidak langsung serta mempraktikkan dakwah secara hikmah. Selain itu, indikator utama dalam dakwah *bil lisan* adalah menerusi dakwah *bi al-Nasf* dimana ia merupakan pemangkin penularan virus mazmumah dalam kepimpinan diri seseorang yang mampu melahirkan seorang pendakwah yang hebat (Mokhtar et al., 2023).

Dari sudut yang berbeza, kajian pendekatan Dakwah *Fardiyah* turut dijalankan antaranya kajian *Ulil al-Albab* (2020) berkenaan dengan dakwah *fardiyah* Rasulullah SAW dalam Kitab *Fiqh al-Sirah Muhammad* karya *Muhammad Sa'id Ramadan al-Buti* (Analisis Bimbingan dan Kaunseling Islam). Dalam kitab ini menjelaskan dakwah *fardiyah* merupakan jenis dakwah yang lebih mengutamakan keberhasilan dan lebih memperhatikan mad'unya. Kajian ini diharapkan dapat membantu pihak berkenaan memperkuuh strategi dan pelaksanaan dakwah melalui tiga pendekatan ini yang mampu mengekalkan akidah dan jati diri, sambil memelihara keharmonian dalam persekitaran multi-etnik. Implementasi dakwah ini juga telah berjaya menarik minat masyarakat Sungai di Sandakan khususnya mendalamai dan menghayati Islam dalam kehidupan mereka (Mokhtar et al., 2021d).

Secara keseluruhannya, berdasarkan kajian-kajian berkaitan gabungan ketiga-tiga pendekatan ini dakwah *bil hal*, *bil lisan* dan *fardiyah* masing-masing memainkan peranan yang signifikan dan saling melengkapi. Justeru itu, ia membolehkan strategi dakwah dilaksanakan secara menyeluruh dan berkesan.

Cabarán Dakwah

Dalam memperkatakan praktikaliti amali dakwah, cabaran melaksanakannya dalam kalangan masyarakat dilihat mampu mempengaruhi perjalanan dakwah itu sendiri. Meskipun

pendekatan dakwah telah dilaksanakan dengan mengambil kira pelbagai aspek, namun cabaran yang wujud perlu diteliti bertujuan mengharmonikan pendekatan dakwah dengan situasi masyarakat semasa. Abdul Rahman dan Mustapha (2020) mengakui bahawa kewujudan cabaran mempengaruhi perjalanan dakwah melalui penulisan mereka. Lokasi yang jauh, ketidakmampuan menguasai bahasa Orang Asal, ancaman Orang Asal, kekurangan pendakwah, sifat Muslim sekitar, saingan misionari Kristian, sumber kewangan, ketidakbertanggungjawaban pendakwah, pemikiran dan gaya hidup Orang Asal, sikap orang Melayu serta ketidakselarasaran program dakwah dengan NGO-NGO dakwah merupakan antara 12 tema cabaran yang memerlukan kerjasama agensi-agensi untuk tampil menyelesaikan isu melalui kepakaran masing-masing.

Dari sudut pandang yang berbeza, cabaran dalam dakwah turut diteliti melalui pembentukan golongan pendakwah generasi semasa atau lebih dikenali sebagai gen-Z. Zamri dan Osman (2024) melihat bahawa gen-Z berkewajiban untuk mengadaptasi perkembangan semasa bagi tujuan dakwah dalam masyarakat. Hal ini dibuktikan melalui perkembangan persekitaran digital dan keluasan maklumat global yang mewajibkan sosial media sebagai platform dakwah secara langsung. Tanpa menafikan pengaruh perkembangan semasa dalam usaha dakwah, golongan pendakwah sebagai tenaga penggerak berkewajiban untuk mempersiapkan diri dengan persediaan ilmu pengetahuan, kemahiran dan dana bagi tujuan pelaksanaan aktiviti dakwah. Abd Majid (2023) dan rakan-rakannya menjelaskan bahawa antara cabaran yang berkait secara langsung dengan golongan pendakwah adalah kekurangan program sukarelawan, kurang kesedaran, minat dan sokongan, kurang keperluan dana dan tenaga sokongan, tadbir urus serta kurang pengetahuan berkaitan ideologi setempat. Dari sudut yang berbeza, pendedahan amalan dakwah terhadap generasi semasa perlu dititikberatkan selari dengan keperluan masa kini. Tidak dinafikan bahawa kewujudan gajet dalam era teknologi turut mempengaruhi pendekatan dakwah semasa. Zamri dan Osman (2024) telah meneliti isu ini dan menyimpulkan bahawa pendakwah harus menyesuaikan diri dengan perkembangan semasa agar nilai-nilai Islam dapat diharmonikan dalam pendekatan dakwah semasa.

Cabaran sama yang berkait dengan perkembangan semasa adalah pendekatan dakwah dalam menghadapi cabaran masa depan. Tidak dinafikan bahawa perkembangan dan kemajuan urusan kehidupan seharian menuntut kepada pendekatan dakwah yang berbeza. Jalal, Ismail dan Abd Ghani (2018) merumuskan bahawa dalam isu ini, masalah, budaya serta karakter yang berbeza merupakan antara masalah yang wujud akibat perkembangan semasa. Jika diamati dengan mendalam, variasi cabaran yang wujud dalam perjalanan dakwah berubah dan dipengaruhi dengan situasi semasa. Dengan perkataan lain, cabaran dalam dakwah sentiasa wujud namun berbeza akibat pengaruh dan perkembangan teknologi. Penulisan oleh Ab. Ghani (2020) dan rakan-rakannya membuktikan bahawa cabaran dalam dakwah bukan hanya wujud dalam dunia masa kini bahkan lebih awal wujud dalam fasa sebelum dan selepas merdeka. Mendalami skop cabaran dalam dakwah, Azizan dan Mohd Yusoff (2020) mengfokuskan penulisan mereka hanya nilai skop jati diri dalam tujuan pengurusan cabaran dakwah. Jati diri merupakan nilai penting yang wujud melalui kisah Nabi Ibrahim AS dalam usaha menyampaikan dakwah kepada umatnya.

Justeru, daripada kajian-kajian yang telah dilaksanakan sebelum ini, belum ada satu kajian khusus berkenaan dengan pendekatan dakwah dalam program Amali Dakwah IPDAS yang melibatkan mahasiswa-mahasiswa institusi sebagai program wajib yang disyaratkan sebelum mahasiswa bergraduasi. Kajian ini menggunakan kaedah pendekatan yang bersifat inklusif,

berhikmah dan mengambil kira kepelbagaian budaya serta latar belakang masyarakat yang berbeza dari segi lokaliti dan demografi.

Metodologi

Kajian ini adalah berbentuk kualitatif yang bersifat tinjauan bagi meneliti pendekatan dakwah yang diimplementasi dalam pelaksanaan program Amali Dakwah IPDAS bagi tahun 2022 hingga tahun 2024. Kajian menggunakan pendekatan analisis kandungan menerusi artikel jurnal, buku-buku yang berkaitan dengan pendekatan dakwah di Sabah. Selain itu, pengkaji turut menggunakan kaedah temu bual semi struktur bersama responden yang terdiri daripada pensyarah IPDAS, mahasiswa yang terlibat dan pemimpin komuniti. Populasi responden yang terlibat dalam kajian ini adalah terdiri daripada mahasiswa yang mengambil Kursus Amali Dakwah (MPU2613) pada tahun 2022 sehingga tahun 2024, para pensyarah Amali Dakwah, pemimpin komuniti yang terpilih serta penduduk kampung di beberapa buah daerah Lahad Datu, Ranau dan Beaufort. Hasil temu bual tersebut seterusnya akan diproses melalui analisis deskriptif dan diletakkan dalam setiap perbincangan sebagai pengukuh kepada fakta sedia ada.

Hasil Dapatan

Program Amali Dakwah ditawarkan kepada semua mahasiswa semester enam program Diploma Dakwah Islamiah di IPDAS. Ia merupakan kursus wajib bagi melayakkan mahasiswa untuk bergraduasi. Program yang diperkenalkan dalam kursus ini dikenali juga sebagai Program Dekat di Hati ‘Anak Malaysia’ (DDHAM). Kursus Amali Dakwah (MPU2613) ini memberi pendedahan kepada mahasiswa mengenai metodologi dakwah yang sesuai dalam mendepani komuniti setempat di samping melatih mahasiswa untuk mengimplementasi pendekatan Dakwah bil hal khususnya di lokasi dakwah yang dipilih. Program Amali Dakwah merupakan kursus yang sangat penting dalam sistem pembelajaran IPDAS memandangkan kursus ini menjadi medan praktikal kepada mahasiswa bagi mengaplikasikan kemahiran dakwah yang telah dimahasiswa sebelum ke lapangan dakwah yang sebenar.

Program ini bertujuan untuk melahirkan pendakwah yang bukan sahaja berilmu, tetapi juga berkemahiran dalam menyampaikan mesej Islam dengan hikmah, penuh kasih sayang, dan menggunakan pendekatan yang sesuai dengan latar belakang masyarakat pelbagai kaum dan budaya di Sabah. Melalui Amali Dakwah, mahasiswa berpeluang berinteraksi secara langsung dengan komuniti setempat, menyampaikan ceramah, mengadakan program kebajikan, bimbingan ibadah, serta menyantuni golongan yang memerlukan. Selain itu, pelaksanaan Amali Dakwah ini juga memupuk semangat tanggungjawab sosial, kepimpinan, dan kerohanian dalam diri mahasiswa. Ia menjadi landasan untuk membentuk sahsiah dan jati diri sebagai pendakwah yang bersedia menyumbang kepada pembangunan ummah, khususnya di negeri Sabah yang kaya dengan kepelbagaian etnik dan budaya.

Program Amali Dakwah ini dirangka secara komprehensif bagi membentuk pendakwah yang berpengetahuan, berakhlaq dan berkemahiran dalam menyampaikan dakwah secara berkesan. Pelaksanaannya melibatkan gabungan pelbagai pendekatan dakwah bagi menyesuaikan diri dengan latar masyarakat yang pelbagai kaum, budaya dan agama, khasnya di Sabah. Antara pendekatan utama yang digunakan dalam program ini ialah Dakwah *Bil Hal*, Dakwah *Fardiah* dan Dakwah *Bil Lisan* yang berkesan.


Jadual 1: Pendekatan Dakwah dalam Amali Dakwah Tahun 2022 – 2024

	DAKWAH BIL HAL	DAKWAH FARDIAH	DAKWAH BIL LISAN
2022	<ol style="list-style-type: none"> 1. Sukaneka 2. Pertandingan Memasak makanan Etnik 3. Wayang Pacak 4. <i>Muslim Got Talent</i> 5. Majlis tahlil dan Bacaan yasin 6. Gotong-royong 7. Karnival Ziarah D’Bayu 	<ol style="list-style-type: none"> 1. Fardu Ain (Ibadah Puasa) 2. Kem Bestari Solat 3. Pengurusan Jenazah 4. Klinik al-Fatihah 5. Ziarah Mahabbah 6. Program Sembelihan 	<ol style="list-style-type: none"> 1. Program Bicara Muslimah 2. Malam Felda Berselawat 3. Kuliah Maghrib Khas 4. Forum Hal Ehwal Islam
2023	<ol style="list-style-type: none"> 1. Program Celik Islami 2. Rehlah Ukhuwah 3. Bundle Jariah 4. Malam Akustika 5. Lukisan Mural 6. Kenduri Sekampung 7. Bantuan Musa’adah Rahmah MADANI 	<ol style="list-style-type: none"> 1. Pengurusan Jenazah 2. <i>Street Dakwah</i> 3. Program <i>Hubbul Quran</i> 4. Program Sembelihan (Seni Halal) 	<ol style="list-style-type: none"> 1. Program Bicara Muslimah 2. Diskusi Fiqh ‘Taharah’ 3. <i>Tausiah Air Mata Palestin</i>
2024	<ol style="list-style-type: none"> 1. Program Bakul Sumbangan <i>Musaadah</i> 2. Sukan dan Rekreasi 3. Malam Akustika 4. Program Qiamullail 5. Kenduri Sekampung 	<ol style="list-style-type: none"> 1. Kem Bestari Solat 2. Kelas Mengaji 3. Kursus Sembelihan 4. Pengurusan Jenazah 	<ol style="list-style-type: none"> 1. Forum Hal Ehwal Islam 2. Program Bicara Muslimah 3. Kuliah Maghrib Khas

Jadual 1: Carta Program Dekat di Hati ‘Anak Malaysia’ Tahun 2022 - 2024

Sumber: Buku Kolokium Dakwah Kontemporari Amali Dakwah IPDAS 2022-2024

Program Dekat di Hati ‘Anak Malaysia’ Tahun 2022



Rajah 2: Carta Program Dekat di Hati ‘Anak Malaysia’ Tahun 2022

Sumber: Buku Kolokium Dakwah Kontemporari Amali Dakwah IPDAS 2022

Program ini dilaksanakan oleh mahasiswa Semester 6 Sesi November 2021 - Mac 2022 di lima buah kampung daerah Lahad Datu yang berfokus di kawasan perkampungan Felda Sahabat. Mahasiswa juga telah dibahagikan kepada beberapa kumpulan iaitu di Kompleks Anjung Teduh untuk kumpulan 1 dan 2, manakala Kompleks Desa Kencana untuk kumpulan 3,4 dan 5. Program ini telah diadakan pada 16 sehingga 29 Januari 2022 iaitu selama 13 hari melibatkan seramai 82 orang mahasiswa semester enam Diploma Dakwah Islamiah dan 35 orang urusetia. Kawasan tersebut antara yang teramai penduduknya dalam kalangan Etnik Bajau.

Pelbagai pendekatan dakwah digunakan dalam program ini bagi menyesuaikan dengan latar masyarakat yang pelbagai kaum, budaya dan agama, khasnya di Sabah. Mokhtar (2014) dan Mokhtar et al., (2019) dalam kajiannya menyatakan bahawa pendekatan dakwah perlu bersesuaian dengan latar belakang mad'u bagi memudahkan mereka menerima dan memahami dakwah Islam. Abd.Razak (2025) menjelaskan bahawa pendekatan utama yang digunakan dalam program ini ialah Dakwah *bil Hal*, dakwah *fardiyah* dan dakwah *bil Lisan* yang berkesan.

Pendekatan dakwah *bil hal* memberi penekanan kepada teladan yang baik sebagai medium dakwah (Mokhtar et al., 2021c). Menurut Abdullamad (2025) mahasiswa IPDAS terlibat dalam Program khidmat masyarakat seperti gotong-royong, sukaneka, pertandingan memasak antara etnik, wayang pacak, Muslim *Got Talent*, majlis tahlil, bacaan yasin dan Karnival Ziarah D’Bayu. Dakwah *bil hal* sangat berkesan dalam membentuk persepsi positif masyarakat terhadap Islam, terutamanya dalam kalangan bukan Muslim.


Othman (2025) menyatakan bahawa pendekatan dakwah *fardiyah* juga turut digunakan dalam program ini seperti Kem Bestari Solat, Kursus Fardu Ain (Ibadah puasa), Kursus Pengurusan Jenazah, Klinik al-Fatihah, Program Ziarah Mahabbah dan Program Sembelihan menurut

syarak. Pendekatan dakwah *fardiyah* sangat bersesuaian diaplikasikan dalam menjayakan program amali dakwah kerana ia elemen penting dalam menyampaikan mesej Islam selaras dengan penjelasan Rahman (2020) yang menyatakan bahawa sangat penting dalam membina hubungan akrab dan mewujudkan rasa kepercayaan antara pendakwah dan mad'u.

Menurut beliau juga, dakwah *bil lisan* juga digunakan dalam program amali dakwah ini. Ia dilakukan secara lisan atau verbal, sama ada secara formal maupun tidak formal. Dalam program Amali Dakwah IPDAS, pendekatan ini digunakan di dalam program seperti Bicara Muslimah, Malam Felda Berselawat dan Forum Hal Ehwal Islam. Pendekatan ini dapat membantu melatih mahasiswa IPDAS di dalam kemahiran berkomunikasi, keberanian menyampaikan hujah, dan kebolehan memahami mad'u dengan hikmah dan bijaksana. Adapun program seperti kuliah maghrib, perkongsian ilmu dan bacaan ta'lim merupakan aktiviti rutin sepanjang program amali dakwah berlangsung.

Rahmat (2025) menjelaskan bahawa pelaksanaan program Amali Dakwah IPDAS yang berasaskan ketiga-tiga pendekatan ini tidak hanya memperkuuh kemahiran praktikal mahasiswa dalam menyampaikan dakwah, tetapi juga menjadi wahana membina hubungan silaturrahim dan menyemai nilai Islam dalam kehidupan masyarakat. Gabungan antara dakwah bil hal, bil lisan dan fardiah menjadikan usaha dakwah lebih menyeluruh, berkesan dan menyentuh hati nurani mad'u dalam pelbagai latar belakang kehidupan.

Program Dekat di Hati ‘Anak Malaysia’ Tahun 2023



Rajah 3: Carta Program Dekat di Hati ‘Anak Malaysia’ Tahun 2023

Sumber: Buku Kolokium Dakwah Kontemporari Amali Dakwah IPDAS 2023

Program ini dilaksanakan pada 5 hingga 18 November 2023 oleh 94 orang mahasiswa Semester 6 Diploma Dakwah Islamiah Sesi November 2023 - Mac 2024. Program ini melibatkan dua buah kampung sekitar Daerah Kundasang (Kampung Mesilou dan Kampung Cinta Mata) dan tiga buah kampung di Daerah Ranau (Kampung Sumalang, Kampung Pahu Sarayo dan Kampung Sosondoton).

Menurut Abdul Mutalib (2025), pemilihan kampung-kampung ini mempunyai perbezaan yang ketara dari sudut penerimaan mahasiswa IPDAS sebagai anak angkat. Bagi kampung sekitar daerah Kundasang, ia merupakan kawasan pelancongan dan majoriti keluarga angkat mempunyai *homestay* (rumah penginapan) masing-masing. Kewujudan kemudahan ini menyebabkan jalinan ukhuwah di antara anak-anak angkat dan keluarga angkat agak terbatas kerana mereka bermalam di *homestay* tersebut. Selain itu, ada juga anak-anak angkat yang bermalam di surau dan menjalankan aktiviti di sana. Bagi kampung di sekitar daerah Ranau pula, pemilihan kampung ini adalah sangat sesuai. Keluarga angkat dapat menerima kehadiran anak-anak angkat dengan baik sekaligus mampu menjalinkan hubungan erat di antara satu sama lain.

Berdasarkan kajian yang dijalankan, terdapat beberapa pendekatan dakwah yang digunakan sepanjang melaksanakan program di kedua-dua daerah ini. Antaranya ialah Dakwah *bil Hal* seperti aktiviti ziarah. Aktiviti ini dikenali sebagai program Bantuan *Musa'adah Rahmah MADANI* yang diketuai oleh Dr. Baharudin bin Othman, Timbalan Pengarah IPDAS. Ia dijalankan dari rumah ke rumah dengan menghulurkan bantuan keperluan asas dapur bagi meringankan beban penduduk kampung sekaligus menjadi salah satu platform untuk mendekatkan diri di antara dai dan mad'u. Nabi Muhammad SAW juga sangat menyukai pendekatan ini kerana tugas seorang dai adalah untuk mencari mad'u (Ahmad Shukri, 2025).

Selain itu juga, setiap kumpulan mahasiswa melaksanakan aktiviti sukan yang dikenali sebagai Rehlah Ukuhwah dan Karnival Sukan. Aktiviti seumpama ini mendapat sambutan yang menggalakkan daripada penduduk kampung kerana ia berbentuk santai dan menyeronokkan. Mahasiswa IPDAS juga berjaya mengatur strategi pelaksanaan sukan dengan membahagikan setiap acara mengikut peringkat umur. Ini menunjukkan bahawa mahasiswa IPDAS mempunyai perancangan yang teliti dalam usaha menarik minat penduduk kampung untuk menyertai apa jua aktiviti yang dirancang. Jika hubungan awal sudah terjalin, maka semakin mudah untuk menyebarkan dakwah kepada sasaran.

Bukan itu sahaja, mahasiswa IPDAS turut menjalankan aktiviti amal iaitu Bundle Jariah dan Lukisan Mural. Bundle Jariah mendapat sambutan yang sangat baik daripada penduduk kampung. Jelas terbukti bahawa aktiviti seumpama ini berjaya menggalakkan sifat empati dan kemanusiaan, memupuk nilai kasih sayang dan tanggungjawab sosial dalam kalangan masyarakat. Selain itu, perpaduan dapat disemai dan dikukuhkan di antara satu sama lain. Razali (2025) menyatakan impak aktiviti Lukisan Mural adalah untuk menarik perhatian pengunjung bagi menyertai sebarang aktiviti yang dirancang oleh mana-mana pihak. Dalam masa yang sama, penduduk kampung dapat mengimbas kembali segala kenangan sepanjang mereka bersama mahasiswa IPDAS. Melalui aktiviti ini juga, mahasiswa IPDAS sendiri berpeluang untuk menunjukkan bakat dalam seni lukisan yang turut dibantu oleh penduduk kampung di samping mengeratkan hubungan kekeluargaan.

Dakwah fardiah merupakan pendekatan individu yang pernah digunakan oleh Rasulullah SAW di peringkat awal dakwah Baginda. Pendekatan ini turut diaplikasikan dalam program Dekat di Hati ‘Anak Malaysia’ terutamanya bagi aktiviti berkaitan bacaan al-Quran. Setiap kumpulan mahasiswa mencipta nama aktiviti tersendiri yang merujuk kepada aktiviti ini iaitu Jom Mengaji, Hubbul Quran, Mengaji Bersama dan Smart al-Quran bagi menarik minat mad'u. Pemilihan pendekatan ini sangat bertepatan dengan matlamat aktiviti yang dirancang iaitu untuk menyebarkan ilmu bacaan al-Quran beserta tajwid yang betul agar penduduk kampung


dapat mempraktikkannya dalam kehidupan mereka. Pendekatan dakwah ini sangat berkesan kerana ia memudahkan dai untuk mengenal pasti tahap bacaan penduduk kampung sekaligus memberi gambaran awal terhadap kaedah bacaan yang perlu diperbaiki (Razali, 2025). Ini dapat dibuktikan melalui perkembangan tahap bacaan beberapa orang penduduk kampung yang semakin mahir dan lancar membaca al-Quran. Perkembangan ini juga adalah hasil usaha penduduk kampung sendiri yang suka bertanya dan cepat belajar semasa aktiviti mengaji dijalankan.

Bagi memastikan aktiviti yang dirancang dapat dilaksanakan dengan baik dan berkesan, mahasiswa IPDAS turut menggunakan pendekatan dakwah fardiah melalui kaedah *taklim wa tadrib*. *Taklim* adalah suatu konsep bagi memastikan berlakunya pemahaman terhadap apa yang diajar. Konsep ini memerlukan pengajaran dan pembelajaran secara dua hala atau lebih. Manakala *tadrib* merujuk kepada proses pembelajaran yang berorientasikan praktikal di mana seseorang bukan sahaja memperoleh ilmu tetapi juga diberi peluang untuk mengaplikasikannya melalui latihan dan pengalaman secara langsung. Ia bertujuan untuk meningkatkan kemahiran, kebolehan, dan kecekapan seseorang dalam sesuatu bidang atau pekerjaan. Dalam program Dekat di Hati ‘Anak Malaysia’ ini, kaedah *taklim wa tadrib* dapat dilihat dengan jelas melalui aktiviti berimpak tinggi seperti Kursus Pengurusan Jenazah dan Kursus Penyembelihan. Aktiviti ini dimulakan dengan perkongsian ilmu (*taklim*) berkaitan skop perbincangan dan disusuli dengan amali atau latihan (*tadrib*). Khuzaimie (2025) mendapati bahawa pendekatan yang diaplikasikan ini membantu penduduk kampung untuk memahami konsep pengurusan jenazah dan penyembelihan dengan lebih mudah dan baik. Pelaksanaan aktiviti yang disokong dengan amali atau latihan ini mampu menarik minat penduduk kampung untuk merasai sendiri pengalaman baharu yang sukar diperoleh.

Dakwah *bil Lisan* dengan menekankan konsep komunikasi berhemah turut dipraktikkan sepanjang program ini dijalankan. Abdullah & Ainon (2000) menegaskan komunikasi atau percakapan itu bertujuan untuk menyampaikan mesej dan maklumat bagi menarik minat dan mempengaruhi audiens. Kemahiran komunikasi merupakan salah satu perkara penting yang digunakan bukan sahaja bagi tujuan mempengaruhi orang lain tetapi juga boleh membuatkan audiens berasa seronok dan tertarik. Antara aktiviti yang jelas menunjukkan gaya komunikasi seseorang dai ialah Forum Perdana Hal Ehwal Islam, Bicara Muslimah, Fiqh Disukusi Taharah dan kuliah maghrib. Aktiviti-aktiviti ini bukan sahaja disampaikan oleh mahasiswa IPDAS sepenuhnya tetapi juga melibatkan tetamu jemputan dari Pejabat Mufti Negeri Sabah dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) Cawangan Sabah. Program berkonsepkan keluarga angkat ini memberi ruang kepada mahasiswa IPDAS untuk mengasah gaya komunikasi mereka. Walaupun terdapat aktiviti-aktiviti yang kurang mendapat sambutan daripada mad'u, mahasiswa IPDAS tetap menjaga tutur kata yang baik dan lemah lembut agar sentiasa disenangi oleh penduduk kampung. Dengan cara ini, ia memudahkan penyampaian dakwah samada dijalankan secara formal melalui aktiviti yang dirancang mahupun secara tidak formal seperti sembang santai semasa berkebun dan minum petang. Pendekatan ini bertepatan dengan prinsip komunikasi dalam surah Taha (20:44) yang bermaksud : "Kemudian hendaklah kamu berkata kepadanya, dengan kata-kata yang lemah-lembut, semoga ia beringat atau takut".

Program Dekat di Hati ‘Anak Malaysia’ Tahun 2024

Tahun 2024



DAKWAH BIL HAL	<ol style="list-style-type: none"> 1. Program Bakul Sumbangan Musaadah 2. Sukan dan Rekreasi 3. Malam Akustika 4. Program Qiamullail 5. Kenduri Sekampung
DAKWAH FARDYIAH	<ol style="list-style-type: none"> 1. Kem Bestari Solat 2. Kelas Mengaji 3. Kursus Sembelihan 4. Pengurusan Jenazah
DAKWAH BIL LISAN	<ol style="list-style-type: none"> 1. Forum Hal Ehwal Islam 2. Program Bicara Muslimah 3. Kuliah Maghrib Khas

Rajah 4: Carta Program Dekat di Hati ‘Anak Malaysia’ Tahun 2024

Sumber: Buku Kolokium Dakwah Kontemporeri Amali Dakwah IPDAS 2024

Program ini dilaksanakan pada 27 Oktober sehingga 09 November 2024 oleh 96 orang mahasiswa Semester 6 Diploma Dakwah Islamiah Sesi Jun - Oktober 2024 di empat buah kampung sekitar daerah Beaufort iaitu Kampung Jaya Baru, Kampung Batu 6, Kampung Lumadan dan Kampung Karangan.

Seperti program Dekat di Hati ‘Anak Malaysia’ Tahun 2022 dan Tahun 2023, program pada Tahun 2024 juga terbahagi kepada aktiviti wajib dan aktiviti tambahan. Bagi aktiviti wajib seperti Majlis Perasmian Program Dekat di Hati ‘Anak Malaysia’ dan Forum Perdana Hal Ehwal Islam, ia dilaksanakan secara berpusat di Kampung Lumadan kerana kampung ini mempunyai dewan terbuka yang luas dan selesa. Manakala bagi aktiviti tambahan, ia dilaksanakan di kampung masing-masing yang dihadiri oleh keluarga angkat mengikut jadual yang telah ditetapkan.

Antara pendekatan dakwah yang diaplikasikan dalam program ini ialah Dakwah *bil Hal* dengan mengadakan jamuan makan. Jika disingkap kembali sejarah dakwah Nabi Muhammad SAW, Baginda sendiri juga menggunakan pendekatan ini di awal dakwah Baginda. Ia bertujuan untuk menjinakkan hati mad’u sebelum menyampaikan isi kandungan dakwah. Jamuan makan dalam program ini berpusat di Kampung Lumadan dengan melibatkan semua mahasiswa IPDAS, barisan urusetia dan penyelia program, serta penduduk kampung setempat. Mujiarto (2025) menyatakan aktiviti jamuan makan ini sebenarnya mampu menarik minat penduduk kampung untuk menyertai apa-apa aktiviti yang dirancang kerana hubungan silaturrahim mula terjalin.

Selain itu, aktiviti Jom Mengaji merupakan salah satu inisiatif di bawah pendekatan dakwah *fardiyah* yang memberi tumpuan khusus kepada pengukuhan penguasaan bacaan al-Quran dalam kalangan komuniti setempat di Kampung Karangan, Beaufort. Tambahan pula, aktiviti ini juga dirangka untuk membantu guru agama iaitu Ustazah Aminah binti Haji Maidin dalam meningkatkan kualiti bacaan al-Quran melalui pendekatan *talaqqi* dan *musyafahah* secara langsung bersama mahasiswa. Kelas mengaji di kampung tersebut menjadi medium yang efektif dalam membudayakan amalan membaca al-Quran secara konsisten dalam kalangan peserta kerana ia berlangsung pada setiap hujung minggu dan hanya melibatkan golongan wanita sahaja. Oleh demikian itu, mahasiswa IPDAS mengambil ruang dan peluang untuk membantu Ustazah Aminah dalam mengajar mahupun berkongsi ilmu pengetahuan terutama dalam bidang al-Quran.

Pendekatan Dakwah *bil Lisan* melalui penyampaian kuliah secara santai juga memainkan peranan penting dalam penerimaan dakwah dalam diri seorang *mad'u*. Antara kuliah santai yang mendapat tempat di hati penduduk kampung ialah Forum Perdana Hal Ehwal Islam. Forum ini menampilkan barisan panel yang amat dikenali di Negeri Sabah iaitu Sahibus Samahah Datuk Ustaz Haji Bungsu @ Aziz bin Haji Jaafar, Mufti Kerajaan Negeri Sabah dan Datuk Malai Ali bin Malai Ahmad, Timbalan Yang Di-Pertua Majlis Ugama Islam Sabah. Konsep penyampaian mesej dakwah yang santai dan bersahaja ini mampu menarik perhatian pendengar untuk terus kekal segar hingga akhir majlis. Selain itu, kuliah maghrib yang disampaikan oleh pensyarah dan mahasiswa IPDAS juga membuka ruang dan peluang kepada penduduk kampung untuk mengadakan soal jawab berhubung tajuk kuliah yang disampaikan. Amran (2025) menjelaskan bahawa pendekatan dakwah melalui penyampaian secara santai ini sangat sesuai diaplikasikan walau di mana jua kita berada kerana misi seorang dai adalah untuk melihat keberkesanannya mesej yang disampaikan kepada *mad'u*.

Kesimpulan

Secara kesimpulannya, objektif kajian ini adalah tercapai menerusi pendekatan dakwah yang dilaksanakan dalam Program Amali Dakwah IPDAS menunjukkan kesungguhan institut dalam memperkasa gerakan dakwah secara praktikal khususnya di kawasan pedalaman Sabah. Setiap pendakwah perlulah meneliti terlebih dahulu pendekatan dakwah yang bersesuaian dengan adat serta budaya setempat. Berpandukan nas al-Quran, IPDAS telah berjaya mengaplikasikan pendekatan yang pelbagai seperti *dakwah bil hal*, *dakwah fardiyah*, dan *dakwah bil lisan*. Pendekatan ini bukan sahaja memberikan impak yang positif terhadap aspek pembangunan komuniti setempat dan pengukuhan identiti mahasiswa sebagai agen dakwah, tetapi juga meningkatkan kefahaman dan penghayatan masyarakat terhadap nilai Islam, khususnya dalam konteks kepelbagaiannya budaya dan etnik di Sabah. Implementasi nilai-nilai murni dalam pendekatan dakwah menerusi program ini amat relevan bagi menyampaikan mesej Islam secara inklusif, sekaligus membina kemahiran dakwah serta kemahiran insaniah para mahasiswa. Tuntasnya, program Amali Dakwah IPDAS berpotensi besar untuk dijadikan model latihan dakwah berteraskan komuniti yang holistik dan berimpak tinggi. Oleh itu, diharapkan kesinambungan program ini dilaksanakan secara berterusan demi memperkuatkan peranan institusi pengajian Islam terutamanya IPDAS dalam pembangunan sosial dan kerohanian masyarakat Malaysia, khususnya di negeri Sabah.

Penghargaan

Jutaan terima kasih kepada pihak Pengurusan Tertinggi Institut Pengajian Islam dan Dakwah Sabah (IPDAS), Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa (PPIB) UMS, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS), Polis Di Raja Malaysia (PDRM), Jabatan Penerangan Negeri Sabah, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM) dan Hidayah Centre Foundation (HCF).

Rujukan

Al-Quran.

- Ab. Ghani, S.R., Omar, R., Mat Enh, A., & Kamaruddin, R. (2020). Cabaran dan Isu dalam Perkembangan Dakwah Gerakan Islam di Malaysia tahun 1957 – 2020, *Jurnal Pengajian Islam 2020 Bil. 13 Isu I*, 98 – 115.
- Abd Ghani, S. (2020). *Cabaran Dakwah Sebelum dan Selepas Merdeka: Satu Tinjauan*. Quranica, 11(1), 1–22.
- Abd Majid, M., Esa, M., Zainudin, N., & Abdul Rahman, A. H. (2023). Cabaran Sukarelawan Dakwah Masyarakat dalam Pelaksanaan Dakwah. *Jurnal Pengajian Islam*, 16(2), 137–152.
- Abd. Razak, M. R. (2025). Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam FELDA, FELDA Wilayah Raja Alias N9. Pelaksanaan Amali Dakwah di Felda Sahabat, Lahad Datu. Temu bual. 16 April 2025.
- Abdul Mutalib, M.H. (2025). Pemilihan Penempatan Amali Dakwah. Temu bual. 24 Mac 2025.
- Abdul Rahman, A., & Mustapha, R. (2020). Cabaran Pelaksanaan Dakwah terhadap Masyarakat Orang Asli oleh Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang, *Islamiyyat 42* (isu Khas) 2020: 59 - 67
- Abdullah, A. R., Hassan, N. H., & Ismail, M. S. (2016). Perancangan Strategik Dakwah Kebajikan dalam Kalangan Masyarakat Pribumi di Malaysia: Satu Tinjauan. *Jurnal Dakwah dan Pembangunan*, 14(2), 45–60.
- Abdullah, H., & Ainon, M. (2000). *Kemahiran Interpersonal Untuk Guru Bestari*. Utusan Publications & Distribution.
- Abdullamad, N. (2025). Aktiviti dalam Program Amali Dakwah di Felda Sahabat, Lahad Datu. Temu bual. 15 April 2025.
- Ahmad Shukri, J. A. (2025). Program Amali Dakwah IPDAS. Temu bual. 16 April 2025.
- al-Naysaburi. (2006). Shahih Muslim: al-Musnad al-Shahih al-Mukhtasar Min Sunani Binaqli al-^cAdli can al-^cAdli Ila Rasulillah. Riyadh-Arab Saudi: Dar al-Toibah Linnasyri wa al-Tauzi^ci.
- Amran, M.A.I. (2025). Impak Forum Hal Ehwal Islam. Temu bual. 17 April 2025.
- Azizan, N. I., & Mohd Yusoff, Z. (2020). Nilai Jati Diri dalam Pengurusan Cabaran Dakwah: Perspektif Kisah Nabi Ibrahim AS. *Jurnal Pengajian Islam*, 13(1), 43–55.
- Borham, A. H., Abdullah, W. H., Ismail, A. M., & Abdul Kadir, F. A. (2017). Pendekatan Dakwah Mohd Fadli Yusof dalam Pengislaman Non-Muslim di Kampung Padang, Sepulut Pensiangan, Sabah. *Perspektif Jurnal Sains Sosial dan Kemanusiaan*, 9(3), 67–78.
- Don, A. G, Rahman, N. A., & Ismail, S. (2023). Amali Dakwah: Pendedahan Mahasiswa kepada Realiti Lapangan Dakwah. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, 14(2), 45–60.
- Don, A. G., Puteh, A., Mohamad, A.D., Abd Khafidz, H., Osman, K., Asha'ari, M.F., Nur Tan, A. M., Abdul Ghani, M. Z., & Aini, Z. (2023). Penerimaan Mahasiswa Terhadap Konstruk Kompetensi Latihan Amali Dakwah (LAD), Pusat Kajian Dakwah &

Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, *Tinta Artikulasi Membina Ummah* 9(2), 2023, 24-37.

Gordani, N. (2021). The Concept of Da'Wah Bil Hal Through a Dialogue of Prophet Muhammad SAW to Non-Muslims. Perspektif: *Jurnal Sains Sosial dan Kemanusiaan*, 13(2), 33-39.

Hashim, N., & Ahmad, M. (2012). Pengertian Dakwah Islam: Satu Tinjauan. *Jurnal Dakwah dan Pembangunan*, 10(1), 15–28.

Ibrahim, A., Abd Rahman, M. F., & Mohd Noor, N.H. (2024). Pendekatan Pendakwah dalam Masyarakat Multi-Etnik: Kajian Kuantitatif di Sarawak. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, 15(1), 45–58.

Jalal, B., Ismail, A. S., & Abd Ghani, S. (2018). Cabaran Dakwah dalam Menghadapi Perkembangan Semasa. *Jurnal Tinta Artikulasi Membina Ummah*, 4(1), 23–33.

Jalal, B., Ismail, A.S., & Abd Ghani, S. (2018). Pendekatan Dakwah untuk Cabaran Masa Depan: Satu Sorotan, *Tinta Artikulasi Membina Ummah* 4 (1), 2018, 23-33 Univ Pertahanan Nasional Malaysia.

Jamil Hashim and Masitoh Ahmad, The Concept of Islamic Da'wah and It's Obligation, *GJAT June 2012, Vol. 2 Issue 1*, 85 – 86.

Mariam Abd. Majid, Masitah Esa, Nazirul Zainudin, Aisyah Humairak Abdul Rahman. (2023). Cabaran Sukarelawan Dakwah Masyarakat dalam Pelaksanaan Dakwah, *Jurnal Pengajian Islam*, Vol. 16, Isu 2, 137 – 152.

Mohd Talib, M. N. (2024). *Pendekatan Dakwah Dalam Karier Politik Tun Sakaran Dandai di Sabah*. Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah.

Mokhtar, S. (2014) *Strategi Pelaksanaan Dakwah Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS) dan Penilaian Modul Kerohanian di Penjara Sandakan*. Tesis Doktor Falsafah. Fakulti Pengajian Islam, UKM, Bangi

Mokhtar, S., Mohd Shah, M. K., Ramlie, H., Othman, I. W., Ationg, R., Esa, M. S., Marinsah, S. A. (2021a). Rekayasa Dakwah KBAT Dalam Kalangan Mahasiswa di Universiti Malaysia Sabah Menerusi Kursus Penghayatan Etika Dan Peradaban. *International Journal of Education, Psychology and Counselling*, 6 (39), 178-193.

Mokhtar, S., Othman, I. W., Ationg, R., & Esa, M. S. (2021d). Implementasi Dakwah Terhadap Etnik Sungai Di Sabah: Satu Analisis Awal. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 6(40), 164 - 178.

Mokhtar, S., Othman, I. W., Moharam, M. M., & Maidin, I. (2021c). Dakwah Bil Akhlak Kontemporari: Satu Pendekatan Dalam Konsep Keusahawanan Islam. *International Journal of Accounting, Finance and Business (IJAFB)*, 6(37), 111–123.

Mokhtar, S., Pullong, A., Hasbollah, M. N. H., & Adam, S. D. A. (2022). Kepentingan Ilmu Dakwah Terhadap Pendakwah Kontemporari Menurut Perspektif Muhammad Al-Ghazali: Satu Analisis. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 7(47), 324 - 337.

Mokhtar, S., Thia, K., & Ramlie, H. (2019). Pendekatan Dakwah JHEAINS terhadap Banduan di Penjara Sandakan: Satu Tinjauan Awal. *Jurnal al-Hikmah*. 11(2). 68-87.

Mokhtar, S., Thia, K., Othman, I. W., Mohd Mokhtar, R. A., Abd Rahim, S., & Zaini, M. S. (2023). Dakwah Bi Al-Nafs: Pemangkin Penularan Virus Mazmumah Dalam Kepimpinan Kendiri. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 8 (53), 230 - 241

Mokhtar, S., Thia, K., Othman, I.W., & Moharam, M.M.H. (2021b). Prospek dan Cabaran Implementasi Dakwah dalam Media Kontemporari: Satu Analisis. Prosiding 5th

International Conference on Teacher Learning and Development (ICTLD) 2021. 03 – 05 August 2021. 408-418.

- Monib, S.A. (2025). Peranan IPDAS sebagai pusat pendidikan Islam di Sabah. Temu bual. 17 April 2025.
- Mujiarto, M. (2025). Kepentingan Aktiviti Jamuan Makan. Temu bual. 17 April 2025.
- Nurasad, A, H. (2018). Gerakan Dakwah Pertubuhan Islam Seluruh Sabah USIA di Sabah. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Othman, B. (2025). Pendekatan dakwah fardiah. Temu bual. 17 April 2025.
- Othman, M. A., Abdullah, M. F., & Ismail, M. N. (2022). Gaya Dakwah Bil-Lisan Pendakwah Bebas di Instagram Melalui Video Pendek. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, 13(2), 33–39.
- Rahman, N. A., & Ahmad, F. (2020). Pendekatan Dakwah Fardiyah dalam Meningkatkan Kepercayaan antara Pendakwah dan Mad'u. *Jurnal Ilmiah Islam*, 8(3), 33–47.
- Rahmat, H. (2025). Pelaksanaan program Amali Dakwah IPDAS. Temu bual. 16 April 2025.
- Razak, A. A. A., & Abdul Rahim, M. H. (2018). Falsafah Dakwah Bil Hal: Menurut Perspektif Al-Quran. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah*, Special Issue, 1–17.
- Razali, N.H. (2025). Kesan Pendekatan Dakwah Fardiah Bagi Kelas Mengaji. Temu bual. 24 Mac 2025.
- Ulil Albab. (2020). *Dakwah Fardiyah Rasulullah dalam Kitab Fiqh al-Sirah Muhammad Karya Muhammad Sa'id Ramadan al-Būtī: Analisis Bimbingan dan Konseling Islam*. Skripsi Sarjana, Universitas Islam Negeri Walisongo, Semarang.
- Zamri, I. H. M., & Osman, K. (2024). *Strategi dan Cabaran dalam Membina Pendakwah Gen-Z*. Seminar Dakwah & Wahdah al-Ummah.